

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI
(GOMBAK)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14.11.2017

Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah benar pembelian pesawat Boeing dan pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) merupakan agenda peribadi Perdana Menteri untuk peluang bergambar dengan Presiden Trump.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Lawatan kerja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri (YAB PM) bersama delegasi Malaysia ke Amerika Syarikat pada 11 hingga 13 September 2017 telah berjaya meningkatkan dan memperkukuhkan lagi hubungan dua hala di antara Malaysia-Amerika Syarikat baik dari

segi politik, ekonomi serta kerjasama dengan Amerika Syarikat di peringkat antarabangsa. Pelbagai bidang kerjasama dua hala telah dibincangkan terutamanya dalam bidang perdagangan dan pelaburan, keselamatan serta tindakan-tindakan bagi membanteras keganasan. Antara hasil utama daripada lawatan YAB PM ini adalah peningkatan pelaburan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan kerjasama antara Malaysia Airlines Berhad (MAB) dengan The Boeing Company (Boeing).